

13/09/1998

Ampang Jaya buat laporan

AMPANG: Umno bahagian Ampang Jaya membuat laporan polis semalam berhubung risalah palsu kononnya bahagian itu menyokong perjuangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebaliknya, Ketua Bahagian Ampang Jaya, Datuk Mufti Suib yang mengadakan mesyuarat dengan semua jawatankuasa bahagian dan Ketua Pemuda serta Wanita berikrar menyokong penuh tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Laporan polis berhubung risalah palsu itu dibuat oleh Naib Ketua Bahagian Ampang Jaya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lembah Jaya, Ismail Kijo di balai polis Ampang pada 12.20 tengah hari, semalam.

Risalah itu antara lain meminta Pemuda dan Wanita Umno Ampang Jaya menyokong dan menyertai gelombang reformasi yang dicituskan Anwar.

Ismail berkata, risalah palsu itu tersebar di merata tempat termasuk di masjid Damansara dan pasar raya Bintang di Kuala Lumpur, selain di sebahagian besar masjid kawasan Ampang Jaya.

Menurutnya, bahagian Ampang Jaya yang ada 131 cawangan dengan keahlian lebih 25,000 menyokong penuh tindakan Perdana Menteri memecat Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

"Risalah satu muka surat itu adalah satu pembohongan kepada ahli Umno dan oleh itu perjuangan kononnya gerakan reformasi juga termasuk dalam pembohongan kepada rakyat.

"Sehubungan itu, bermula esok kami akan mengadakan ceramah di Dewan Muda di Ampang dan diikuti kawasan Bukit Teratai yang membabitkan enam cawangan Umno masing-masing.

"Pemuda juga akan melancarkan program gerak gempur bagi memastikan semua ahli Umno bahagian ini memahami tindakan Perdana Menteri," katanya di sini, semalam.

Ismail berkata, bahagian juga menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangkis dakwaan palsu itu.

"Kita juga membuat 20 kain rentang untuk dipamerkan di semua pintu masuk kawasan Ampang Jaya termasuk di Ulu Klang sebagai tanda sokongan rakyat di kawasan ini menyokong tindakan Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda bahagian itu, Jamaluddin Ropa mendesak Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletak jawatan segera, bukan hanya menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

"Zahid tidak boleh membiarkan sayap kanan Umno digantung tidak bertali, sepatutnya beliau menyerahkan jawatan itu supaya dipangku oleh Datuk Hishamuddin Tun Hussain," katanya.

Beliau juga mendesak Pemuda Umno Kebangsaan mengambil tindakan tegas terhadap Exco Pemuda yang menyokong perjuangan Anwar.

"Pemuda sepatutnya membuat tindakan susulan dengan memberi ceramah kepada Pemuda bahagian di seluruh negara menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir," katanya.

(END)